

Perusahaan k-terbang: Kita mampu

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Depot Baikpulih Kapalterbang Tentera Udara Diraja Malaysia (DEBKAT) merupakan perintis kepada perindustrian kapalterbang di negara ini.

Perdana Menteri menegaskan, DEBKAT membuktikan kemampuan rakyat negara ini mempelajari teknologi baru dalam perindustrian kapalterbang.

"Ini membuktikan Malaysia boleh berkembang maju dalam bidang ini seperti yang dialami oleh Korea Selatan atau Taiwan," katanya kepada para pemberita selepas melawat kompleks DEBKAT dekat sini pagi tadi.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Pertahanan berkata memandangkan kemudahan yang diperolehi, ia sudah tentu memberi peluang kepada rakyat negara ini mendapat kemahiran masing-masing.

Katanya, memandangkan bidang ini satu bidang pengkhususan maka sudah tentu kemahiran mereka diperlukan dalam bidang atau sektor swasta.

"Meskipun Kerajaan membiayai perbelanjaan besar untuk melatih mereka namun ia tidak merupakan satu kerugian tetapi menguntungkan negara jika mereka berhijrah kepada sektor swasta.

"MAS tidak mempunyai juruterbang dari rakyat negara ini jika tidak diambil dari TUDM," katanya sambil ketawa.

Jestru dari itu, tegas beliau, "saya mencadangkan kepada DEBKAT jangan hanya melatih kakitangan untuk keperluan 100 peratus sahaja tetapi lebih dari itu — 120 peratus, misalnya.

Katanya, ini bagi mengatasi masalah pemberhentian atau penghijrahan ke sektor swasta memandangkan kemahiran yang diperolehi.

"Kerajaan tidak menghalang peng-

hijrahan seperti ini kerana ia tidak merugikan negara," tambah beliau.

Bellau berkata, Kerajaan setakat ini tidak berhasrat untuk mengadakan undang-undang supaya syarikat-syarikat swasta mengeluarkan barangan keperluan tentera.

Katanya, ini disebabkan keperluan untuk tentera terlalu kecil dan ini sudah tentu merugikan penganalannya.

"Bagaimanapun jika pengeluaran barangan seperti tayar kapalterbang boleh dieksport separuhnyanya maka sudah tentu sektor swasta akan mencuburkan diri dalam pengeluaran tersebut," katanya.

Operasi

Mengenai perkembangan DEBKAT, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, beliau bersetuju untuk membesarkan kompleks ini tetapi sekarang menghadapi masalah tanah.

DEBKAT mula menjalankan operasi sepenuhnya tahun lalu memerlukan kawasan seluas 200 ekar lagi dari 55 ekar yang ada sekarang.

D E B K A T memerlukan \$80 juta tahun depan untuk memperluaskan operasi baikpulih kapalterbang yang lebih besar dan "Kerajaan akan menimbangkan permintaan tersebut."

Ditanya sama ada negara mendapat menyalamat pertukaran as-

ing disebabkan DEBKAT, beliau menjawab: "memang ada tetapi setakat ini sukar untuk diberi jawapan yang tepat."

Difahamkan sebuah helikopter Nuri jika dihantar ke Amerika Syarikat untuk diperbaiki perbelanjaannya sebanyak \$200,000 tetapi jika di DEBKAT hanya \$60,000 sahaja.

Di samping itu ini dapat memberi pekerjaan kepada 1,000 orang anggota tentera dengan mempelajari kemahiran dan teknologi moden sekali.

Menjawab soalan sama ada Malaysia berminat untuk menerima tawaran sebuah syarikat Perancis untuk pemasangan helikopter di negara ini, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, "Malaysia sedang mengkaji syarat-syarat yang dikemukakan itu."

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia